



TATACARA PERAKAUNAN BILANGAN 1 TAHUN 2026

PELABURAN SAHAM

**PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

TARIKH KUAT KUASA: 1 JANUARI 2026

**Diedarkan kepada:
Semua Staf Jabatan Bendahari**

KANDUNGAN

1.	TUJUAN	3
2.	LATAR BELAKANG	3
3.	TAKRIFAN	3
4.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	4
5.	POLISI PERAKAUNAN USM	5
6.	CARTA AKAUN	6
7.	TATACARA PERAKAUNAN	7
	7.1 Pelaburan Saham	7
	7.2 Perubahan Nilai Saksama.....	8
	7.3 Terimaan Dividen	9
	7.4 Pelupusan Pelaburan Saham	9
8.	TARIKH KUATKUASA	10



TATACARA PERAKAUNAN BILANGAN 3 TAHUN 2025 PELABURAN SAHAM

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan tatacara perakaunan bagi transaksi berkaitan pelaburan saham.

2. LATAR BELAKANG

USM menggunakan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dalam penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti. Tatacara mengakaunkan transaksi bagi pelaburan saham dirancang bagi memenuhi MPSAS dan Polisi Perakaunan USM.

3. TAKRIFAN

Dalam garis panduan ini, melainkan maksudnya memerlukan demikian, maksud perkataan-perkataan berikut ialah:-

3.1 Pelaburan

Pelaburan adalah pegangan dalam ekuiti dan instrumen kewangan. Walau bagaimanapun, simpanan tetap bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang dikategorikan di bawah tunai dan kesetaraan tunai.

3.2 Saham Tersiarharga

Saham tersiarharga ialah instrumen ekuiti yang diniagakan di pasaran aktif di mana harga sebutan boleh diperoleh secara tetap dan mudah.

3.3 Saham Tak Tersiarharga

Saham tak tersiarharga ialah instrumen ekuiti yang tidak mempunyai harga sebutan di pasaran aktif, oleh itu nilai saksama ditentukan menggunakan teknik penilaian.

3.4 Dividen

Dividen ialah pengagihan keuntungan kepada pemegang saham ekuiti mengikut kadar pegangan.

3.5 Dividen Terakru

Dividen terakru ialah dividen yang telah diisytiharkan (*declared*) oleh syarikat penerbit saham (*investee*) tetapi belum diterima oleh USM. Ia merupakan hak

pendapatan kepada USM kerana pengisytiharan sudah dibuat, walaupun tunai masih belum diterima.

4. PIAWAIAN PERAKAUNAN

Garis panduan ini disediakan seperti yang dikehendaki oleh Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) di bawah perkara berikut:

4.1 MPSAS 1 - Pembentangan Penyata Kewangan

MPSAS 1 Perenggan 7. Asas Akruan bermaksud asas perakaunan yang mengiktiraf urusanniaga dan peristiwa lain apabila ia berlaku (dan bukan sahaja apabila wang tunai atau kesetaraan tunainya diterima atau dibayar). Oleh itu, urusanniaga dan peristiwa dicatatkan dalam rekod perakaunan dan diiktiraf dalam penyata kewangan pada tempoh ia berkaitan. Elemen yang diiktiraf di bawah perakaunan akruan ialah aset, liabiliti, aset bersih/ekuiti, hasil dan belanja.

4.2 MPSAS 29 - Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran

MPSAS 29 Perenggan 16. Sesebuah entiti hendaklah mengiktiraf sesuatu aset kewangan atau liabiliti kewangan dalam penyata kedudukan kewangannya apabila, dan hanya apabila, entiti menjadi pihak dalam peruntukan kontrak instrumen tersebut. (Lihat perenggan 40 berkaitan cara biasa belian aset kewangan).

MPSAS 29 Perenggan 48 (c). Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak mempunyai harga pasaran disebut dalam pasaran aktif dan nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan munasabah, dan derivatif yang dipautkan dan mesti diselesaikan melalui penyerahan instrumen ekuiti yang tidak disebut tersebut, yang hendaklah diukur pada kos.

MPSAS 29 Perenggan 51. Bukti terbaik nilai saksama ialah harga disebut dalam pasaran aktif. Jika pasaran bagi instrumen kewangan tidak aktif, entiti menetapkan nilai saksama menggunakan teknik penilaian. Objektif menggunakan teknik penilaian adalah untuk menetapkan harga urusanniaga yang mungkin digunakan pada tarikh pengukuran dalam pertukaran tulus yang didorong oleh pertimbangan operasi biasa. Teknik penilaian termasuk menggunakan urusanniaga pasaran tulus terkini antara pihak-pihak yang berpengetahuan dan bersedia, jika ada, rujukan kepada nilai saksama semasa instrumen lain yang sebahagian besarnya adalah sama, analisis aliran tunai terdiskaun dan model penentuan harga opsi. Jika terdapat teknik penilaian yang biasanya digunakan oleh peserta pasaran untuk menentukan harga instrumen dan teknik tersebut terbukti menyediakan anggaran harga munasabah yang diperoleh dalam urusanniaga pasaran sebenar, entiti menggunakan teknik tersebut. Teknik penilaian yang dipilih menggunakan input pasaran secara maksimum dan bergantung sekecil mungkin pada input spesifik entiti. Ia menggabungkan semua faktor yang akan dipertimbangkan oleh peserta pasaran untuk menentukan harga dan selaras dengan metodologi ekonomi yang diterima bagi penentuan harga instrumen kewangan. Entiti mengkalibrasi teknik penilaian secara berkala dan menguji kesahannya menggunakan harga daripada apa-apa urusanniaga pasaran semasa

yang dapat diperhatikan dalam instrumen yang sama (iaitu, tanpa pengubahsuaian atau dipakejkan semula) atau berdasarkan apa-apa data pasaran yang tersedia dan dapat diperhatikan.

4.3 MPSAS 30 - Instrumen Kewangan: Pendedahan

MPSAS 30 Perenggan 11. Amaun bawaan bagi setiap kategori berikut, seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 29, hendaklah didedahkan sama ada dalam penyata kedudukan kewangan atau dalam nota:

- a) Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, menunjukkan secara berasingan:
 - i) yang ditandakan sedemikian berikutan pengiktirafan awal; dan
 - ii) yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan menurut MPSAS 29;
- b) Pelaburan dipegang hingga matang;
- c) Pinjaman dan belum terima;
- d) Aset kewangan sedia dijual;
- e) Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, menunjukkan secara berasingan:
 - i) yang ditandakan sedemikian berikutan pengiktirafan awal; dan
 - ii) yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan menurut MPSAS 29; dan
- f) Liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas.

MPSAS 30 Perenggan 31. Entiti hendaklah mendedahkan kaedah bagi setiap kelas instrumen kewangan dan, apabila teknik penilaian digunakan, andaian yang diguna pakai dalam menentukan nilai saksama setiap kelas aset kewangan atau liabiliti kewangan. Sebagai contoh, jika berkaitan, entiti mendedahkan maklumat tentang andaian yang berkaitan dengan kadar bayaran terdahulu, kadar anggaran kerugian kredit, dan kadar faedah atau kadar diskaun. Jika terdapat perubahan dalam teknik penilaian, entiti hendaklah mendedahkan perubahan tersebut dan sebab melakukannya.

5. POLISI PERAKAUNAN USM

Aset Kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, Aset Kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk Aset Kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam menerbitkan Aset Kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, Aset Kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori Aset Kewangan iaitu Aset Kewangan diukur pada nilai saksama

melalui lebih atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan Aset Kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan Aset Kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh urus niaga itu dibuat, iaitu tarikh di mana Kumpulan dan Universiti membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Hasil daripada dividen diiktiraf apabila hak penerimaan telah dapat dipastikan.

6. CARTA AKAUN

6.1 Akaun

6.1.1 Struktur Akaun

Carta akaun telah dibentuk bagi tujuan perekodan transaksi cukai perkhidmatan seperti berikut:

Kelas Akaun	Siri Akaun	Keterangan	Sub Siri Akaun
A1300000 Aset Kewangan	A1321000 Aset Kewangan Tersedia Untuk Dijual Daripada Sumber Akaun Amanah	Memperakaunkan aset kewangan bukan derivatif yang tersedia untuk dijual yang terdiri daripada sekuriti tersiar harga dan tidak tersiar harga daripada sumber akaun amanah atau lebihan dana yang dilaburkan di dalam atau di luar negeri	A1321100 Dalam Negeri
			A1321200 Luar Negeri
A0300000 Akaun Belum Terima	A0375000 Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan Dan Pinjaman Terakru	Memperakaunkan faedah terakru dan perolehan dari pelaburan dan pinjaman yang belum diterima.	A0375100 Perolehan Dari Pelaburan Dalam Perusahaan Kewangan
			A0375200 Perolehan Dari Pelaburan Dalam Entiti Bukan Kewangan
H0200000	H0275000 Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan	Memperakaunkan faedah dan perolehan dari pelaburan dan pinjaman	H0275200 Perolehan Dari Pelaburan Dalam Entiti Bukan Kewangan

6.1.2 Kod Akaun

Kod Akaun yang dibentuk bagi tujuan perekodan transaksi berkaitan pelaburan saham adalah seperti berikut:

Kod Akaun	Nama Akaun
A1321110	Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri
A1321150	Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri
A1321210	Sekuriti Tersiar Harga Luar Negeri
A1321250	Sekuriti Tidak Tersiar Harga Luar Negeri
A0375201	Dividen Terakru Pelaburan
H0275201	Dividen Pelaburan
H0979124	Keuntungan Nilai Saksama Pelaburan
H0979118	Keuntungan Atas Pelupusan Pelaburan
B0553201	Kerugian Nilai Saksama Pelaburan
B0555101	Kerugian Atas Pelupusan Pelaburan

6.2 Sub Akaun

Perekodan transaksi pelaburan saham menggunakan Sub Akaun mengikut aktiviti dilaksanakan.

7. TATACARA PERAKAUNAN

Tatacara perakaunan untuk transaksi pelaburan saham adalah seperti berikut:

7.1 Pelaburan Saham

7.1.1 Saham Tersiar Harga

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri	A1321110 (E401-LR-TEP005-0000417110-0000)
Kredit	Bank	A0111108 (M100-UR-000000-0000000000-0000)

7.1.2 Saham Tidak Tersiar Harga

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	A1321150 (E401-UR-TEP001-0000550001-0000)
Kredit	Bank	A0111108 (M100-UR-000000-0000000000-0000)

7.2 Perubahan Nilai Saksama

7.2.1 Saham Tersiar Harga

Untuk Saham Tersiar Harga di Bursa Malaysia atau pasaran aktif lain nilai saksama ditentukan menggunakan harga penutup (*closing price*) pada tarikh pelaporan. Kaedah ini paling objektif kerana harga diperoleh daripada pasaran aktif.

a. Keuntungan Nilai Saksama Pelaburan

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri	A1321110 (E401-LR-TEP005-0000417110-0000)
Kredit	Keuntungan Nilai Saksama Pelaburan	H0979124 (E401-LR-TEP005-0000417110-0000)

b. Kerugian Nilai Saksama Pelaburan

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Kerugian Nilai Saksama Pelaburan	B0553201 (E401-LR-TEP005-0000417110-0000)
Kredit	Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri	A1321110 (E401-LR-TEP005-0000417110-0000)

7.2.2 Saham Tidak Tersiar Harga

Penilaian Saham Tidak Tersiar Harga dijalankan menggunakan kaedah *Net Tangible Asset (NTA)* atau *Discounted Cash Flow (DCF)* mengikut kesesuaian dan pertimbangan pengurusan.

a. Net Tangible Asset (NTA)

NTA digunakan untuk menilai pelaburan berdasarkan nilai aset bersih boleh nyata syarikat pelaburan.

Formula:-

$$\text{NTA} = (\text{Jumlah Aset Ketara} - \text{Jumlah Liabiliti})$$

$$\text{Nilai Saksama Pelaburan} = \text{NTA} \times \text{Peratusan Pegangan}$$

b. Discounted Cash Flow (DCF)

DCF digunakan untuk menilai pelaburan berdasarkan nilai kini aliran tunai masa depan yang dijangka diterima daripada syarikat pelaburan.

Formula:-

$$\text{Nilai Saksama Pelaburan} = \sum (\text{Free Cash Flow} / (1 + \text{Discount Rate})^t)$$

7.3 Terimaan Dividen

7.3.1 Dividen telah diisytiharkan dan dibayar pada tahun semasa

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Bank	A0111108 (M100-UR-000000-00000000000-0000)
Kredit	Dividen Pelaburan	H0275201 (E401-LR-TEP005-0000417110-0000)

7.3.2 Dividen telah diisytiharkan pada tahun semasa tetapi masih belum diterima sehingga tarikh pelaporan.

i. Akru dividen

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Dividen Terakru Pelaburan	A0375201 (E401-LR-TEP005-0000417110-0000)
Kredit	Dividen Pelaburan	H0275201 (E401-LR-TEP005-0000417110-0000)

ii. Menerima bayaran dividen

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Bank	A0111108 (M100-UR-000000-00000000000-0000)
Kredit	Dividen Terakru Pelaburan	A0375201 (E401-LR-TEP005-0000417110-0000)

7.4 Pelupusan Pelaburan Saham

7.4.1 Jika jualan pada harga sama dengan nilai buku

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Bank	A0111108 (M100-UR-000000-00000000000-0000)
Kredit	Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	A1321150 (E401-UR-TEP001-0000550001-0000)

7.4.2 Jika jualan dengan keuntungan (harga jual melebihi nilai buku)

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Bank	A0111108 (M100-UR-000000-00000000000-0000)
Kredit	Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri	A1321110 (E401-LR-TEP005-0000417110-0000)
Kredit	Keuntungan Atas Pelupusan Pelaburan	H0979118 (E401-LR-TEP005-0000417110-0000)

7.4.3 Jika jualan dengan kerugian (harga jual kurang daripada nilai buku)

Catatan Bergu		Contoh Kod Akaun & Sub Akaun
Debit	Bank	A0111108 (M100-UR-000000-00000000000-0000)
Debit	Kerugian Atas Pelupusan Pelaburan	B0555101 (E401-LR-TEP005-0000417110-0000)
Kredit	Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri	A1321110 (E401-LR-TEP005-0000417110-0000)

8. TARIKH KUATKUASA

Garis panduan perakaunan ini berkuat kuasa mulai **1 JANUARI 2026**.